

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 25 JULAI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 11

Usah perlekeh TVET hanya untuk pelajar lemah akademik

Usah perlekeh TVET hanya untuk pelajar lemah akademik



Oleh Dr Siti Sabihah Ghazali
bhrencana@bh.com.my

Pensyarah Kanan
Jabatan Asas
Pendidikan, Fakulti
Pengajian
Pendidikan, UPM

Agenda Pelaksanaan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) adalah satu inisiatif bagi memastikan TVET terus diperkasakan dalam sistem pendidikan negara, selari dengan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).

Antara kaedah diguna pakai untuk melakukan transformasi TVET adalah melalui penjenamaan semula. Dalam usaha kerajaan memperkasakan TVET, antara perkara tunjang perlu diberikan keutamaan adalah institusi TVET ditransformasi dari segi tadbir urus dan keupayaannya berinteraksi serta mewujudkan jaringan dengan industri.

Institusi TVET seharusnya mampu berdiri sama seperti institusi pendidikan tinggi (IPT) lain yang boleh melakukan pelbagai perubahan, menyumbang kepada industri dan autonomi dalam tadbir urus. Contohnya, penawaran dan perkongsian kepakaran boleh dijadikan sebagai satu landasan untuk mewujudkan jaringan dengan industri.

Penerapan Pembelajaran Berasaskan Pekerjaan (WBL) perlu menjadi jambatan menghubungkan antara institusi TVET dengan industri bagi memastikan kebolehpasaran graduan TVET menepati kehendak industri dan isu membabitkan kualiti graduan TVET boleh diatasi.

Usaha melakukan transformasi TVET dengan mengiktiraf profesionalisme dan tenaga pengajarnya menerusi kerjasama Lembaga Ahli Teknologi Malaysia (MBOT) dan pembangunan Sistem eProfil Pengajar TVET (TIPS) adalah usaha boleh membantu menganjak TVET dan meletakkannya antara institusi pendidikan diyakini melalui pengemaskinian kurikulum setera kehendak global.

Namun, isu seperti mesin usang dilihat sebagai

perencat kepada usaha mentransformasikan TVET kerana sebagai peneraju pendidikan berasaskan kemahiran, seharusnya kelengkapan seperti mesin dan bahan bantu mengajar lain adalah setera serta mengikut kepantasan teknologi seperti mampu mengejar kepintaran buatan (AI) yang sedang hebat menguasai pasaran.

Jika institusi TVET hanya menyaksikan kerancakan perubahan dalam industri tanpa turut sama bergerak seiring perubahan teknologi, transformasi TVET pasti sukar mencapai objektifnya.

Institusi TVET perlu keluar zon selesa

Objektif pengenalan TVET adalah untuk memenuhi keperluan industri, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi bergerak laju setera dengan kehendak globalisasi dan ekonomi bertunjangkan pengetahuan serta kemajuan teknologi.

Jelas menunjukkan institusi TVET perlu keluar dari zon selesa dan mula mewujudkan jaringan

dengan industri dalam skala makro bagi memastikan objektif penubuhannya tercapai. Jika kaedah ini dilaksanakan mengikut landasan sesuai, mentaliti 'menganaktirikan' TVET sebagai pendidikan untuk murid tidak cemerlang akademik akan terhapus.

Selain itu, TVET perlu kembali diperkasakan dalam ekosistem asal pendidikan iaitu di sekolah terutama sekolah rendah. Ini kerana, dalam usaha menyemai minat dan menukar mentaliti masyarakat berkaitan TVET, asas pendidikan iaitu di sekolah rendah perlu diperkukuh, ditambah baik dan diberikan penekanan.

Dalam pada itu, autonomi kepada guru atau pengajar TVET dalam sistem pendidikan perlu diberikan perhatian dan dikaji semula seiring dengan kepantasan teknologi berlaku kini. Apa yang dibimbang kurikulum tidak setera dengan arus kemunculan teknologi akan membunuh minat murid dan pelajar mengenal TVET.



TVET perlu kembali diperkasakan dalam ekosistem asal pendidikan.

(Foto hiasan)